

UMNO yakin tawan semula Kelantan

KUALA LUMPUR 23 Jun —

UMNO Kelantan yakin menawan semula Kelantan sekiranya semua ahli di negeri itu memberi sokongan padu kepada parti.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapha Mohamed bagaimanapun berkata, ahli UMNO mesti mempunyai tahap kesedaran tinggi serta patuh kepada arahan Presiden parti.

“Kini adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk menterjemahkan maksud taat dan sa yang ahli kepada Presiden parti,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas ucapan penggulungan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed bahawa UMNO mampu menawan semula Kelantan dan Terengganu daripada Pas sekiranya ahli parti taat setia kepada Presiden.

Mustapha yang juga Ketua Pengerangan UMNO menjelaskan, banyak faktor yang menyebabkan kekalahan parti di negeri itu, tetapi satu puncanya ialah ramai ahli UMNO tidak mengundi parti itu semasa pilihan raya.

“Penyakit ini masih bersama kita dan masih belum selesai,” katanya.

Beliau yakin, berdasarkan sambutan terhadap ucapan Dr. Mahathir itu, ahli UMNO mula memahami apa yang dikehendaki oleh Presiden.

Sementara itu Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa juga mahu supaya ahli UMNO di negeri itu menyahut cabaran Presiden parti untuk menawan semula Kelantan.